



## **PANDUAN CALON MENDUDUKI PEPERIKSAAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

### **1. Syarat – Syarat Permohonan Peperiksaan:**

- i Borang Permohonan Peperiksaan dan Jadual Peperiksaan adalah secara atas talian melalui laman sesawang kompetensi <http://app.imi.gov.my/peperiksaan/>;
- ii **Nama, nombor kad pengenalan, negeri bertugas dan pejabat** bertugas hendaklah diisi dengan lengkap;
- iii Calon digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan; Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan **DITOLAK**;
- iv Calon yang tidak mendaftar **TIDAK** dibenarkan menduduki peperiksaan;
- v Semakan status permohonan, angka giliran dan pusat peperiksaan adalah secara atas talian melalui laman sesawang kompetensi **(1) seminggu** sebelum tarikh peperiksaan;
- vi **Bagi Peperiksaan Perkhidmatan Pertama Bagi Pegawai Imigresen Gred KP19 dan Peperiksaan Undang-Undang Kerajaan (Bhg.03 – Subjek Jabatan) Bagi Penolong Penguasa Imigresen Gred KP29, pegawai yang telah mengikuti Kursus Asas Imigresen sahaja dibenarkan memohon;** dan
- vii **Bagi Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL), ke Skim Penolong Penguasa Imigresen Gred KP29, pegawai yang memohon hendaklah telah disahkan jawatan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat tidak kurang 5 tahun.**

### **2. Pusat Peperiksaan:**

- i Ditetapkan oleh urus setia Unit Kompetensi, Jabatan Imigresen Malaysia;
- ii Pertukaran Pusat Peperiksaan adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada urus setia Kompetensi, Jabatan Imigresen Malaysia;
- iii **Pertukaran pusat hanya dibenarkan atas sebab-sebab berikut :**
  - a. **Pertukaran Tempat Bertugas** (Surat Arahan Pertukaran hendaklah disertakan); dan
  - b. **Masalah kesihatan** (Surat Laporan Kesihatan daripada Pegawai Kesihatan hendaklah disertakan).

### **3. Tanggungjawab calon:**

Calon hendaklah mematuhi peraturan seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 1982 - Peraturan Tatatertib dalam Peperiksaan Perkhidmatan antaranya:

- i Calon perlu mencetak dan membawa **SLIP ARAHAN CALON, KAD PENGENALAN dan ALAT TULIS**;
- ii Calon **wajib beruniform lengkap** semasa menghadiri peperiksaan;
- iii Bagi peperiksaan yang merujuk kepada bahan rujukan yang berkaitan dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan **KECUALI nota tangan dan nota elektronik**;
- iv Calon adalah dilarang membawa **alat komunikasi/elektronik terutamanya telefon bimbit** di dalam dewan/bilik Peperiksaan. Kotak simpanan akan disediakan oleh urusetia peperiksaan.
- v Sekiranya calon tidak mengikut peraturan dan arahan tindakan tatatertib akan diambil. Ketua Pengawas boleh menghalang calon daripada menduduki peperiksaan; dan
- vi **Kegagalan dengan sengaja tidak menduduki peperiksaan dianggap telah melanggar tatatertib peperiksaan dan tindakan akan dikenakan di mana calon TIDAK DIBENARKAN** untuk menduduki peperiksaan pada tahun berikutnya.

### **4. Keputusan:**

- i Semakan keputusan peperiksaan adalah secara atas talian melalui laman sesawang kompetensi <http://app.imi.gov.my/peperiksaan/>;
- ii Keputusan peperiksaan akan dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh peperiksaan; dan
- iii Keputusan peperiksaan dianggap **TERBATAL** sekiranya calon didapati tidak layak menduduki peperiksaan yang berkaitan.